



Laporan Tahunan

J A B A T A N A L A M S E K I T A R
W I L A Y A H P E R S E K U T U A N K U A L A L U M P U R

2019





Laporan Tahunan

J A B A T A N A L A M S E K I T A R
W I L A Y A H P E R S E K U T U A N K U A L A L U M P U R

2019

**Pembangunan
negara yang
seiring dengan
keharmonian kualiti
alam sekitar**



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH 4

BAB 1 7
**PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN**

PENGURUSAN ASET JABATAN 12

BAB 2 17
**BAHAGIAN
OPERASI**

PUNCA-PUNCA TETAP 18


UNIT KENDERAAN BERMOTOR 28

ADUAN 38

RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN 39

PENDAKWAAN 40

TINDAKAN MAHKAMAH 41



BAB 3 43
**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN**

PENILAIAN 44

PENGUATKUASAAN EIA 48

**GEOGRAPHICAL INFORMATION
SYSTEM (GIS) 52**

PENGAWASAN 53

KESEDARAN DAN PENCEGAHAN 71

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2019. Laporan Tahunan ini menggambarkan keseluruhan gerak kerja dan pencapaian JAS WPKL yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 berdasarkan mandat yang diberikan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mencapai pembangunan negara yang seiring dengan keharmonian kualiti alam sekitar.

Tahun 2019 telah dilalui dengan pelbagai peristiwa dan cabaran pengurusan alam sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Wilayah Persekutuan Putrajaya. Di era globalisasi ini masih terdapat segelintir anggota masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan hanya mementingkan keuntungan dengan meletakkan tanggungjawab memulihara alam sekitar kepada pihak Kerajaan semata-mata. Tabiat buruk ini perlu dihentikan dan digantikan dengan sikap bertanggungjawab dalam menghargai dan menjaga alam sekitar kita.

Sepanjang tahun 2019, pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dilaksanakan secara pemeriksaan siasatan tapak 'Command and Control' (CAC) dan juga pemeriksaan secara 'Desktop Enforcement' (DE).

JAS WPKL turut mempertingkatkan pelaksanaan program/aktiviti kesedaran dan sebaran maklumat alam sekitar melalui media massa untuk pelbagai peringkat masyarakat sebagai usaha berterusan dan bersama dalam membangunkan masyarakat yang penyayang dan mesra alam. Perlindungan kepada alam sekitar melalui amalan mesra alam bagi setiap individu sepatutnya menjadi sebahagian daripada aktiviti seharian kita. Cabaran dalam menguruskan alam sekitar di masa hadapan dijangkakan akan semakin sukar. Namun demikian, dengan sokongan, komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, insyaAllah saya percaya kita semua akan mampu mengharunginya.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada Kementerian Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan, pihak industri, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada JAS WPKL dalam memastikan kualiti alam sekitar berada pada tahap baik dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya berharap agar komitmen dan kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa-masa akan datang untuk mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat bagi generasi masa kini dan akan datang.

‘Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama’

AZLAN BIN AHMAD

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JAWATAN KUASA PENERBITAN
LAPORAN TAHUNAN
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2019

Penaung

Encik Azlan Bin Ahmad

Penasihat

Puan Norazma Binti Zainuddin

Ketua Editor

Puan Siti Norhidayah Abdullah

Editor

Puan Hasnita Binti Mansor

Puan Nor Iwani Binti Basri

Puan Norlafifah Binti Ramli

Puan Wan Nur Fadzlina Binti Wan Md Najib

Puan Nor Iza Binti Yen

Encik Kalana Bin Hj. Drahman

Puan Nur Hafiza Binti Mohd Noh

Encik Mohd Shafiq Aizad Bin Hj Mohd Saad

Urusetia

Puan Nor Haslinda Binti Hasim

Encik Mohd Syahirrullah Bin Mohd Azhar



BAB

1

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Struktur Organisasi

Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2018, JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 30 dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah 76 perjawatan. Struktur bahagian-bahagian terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran, Kewangan & Teknologi Maklumat. Carta Organisasi adalah seperti di **Rajah 1.0**

Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2019, JAS WPKL telah mempunyai 68 anggota mengikut Surat Pemberitahuan Penempatan berdasarkan Waran Perjawatan Bil. K 18 Tahun 2019. Pecahan jawatan adalah seperti di **Jadual 1.0**

Peruntukan Kewangan

Bagi tahun 2019, sebanyak RM 4,789,716.28 peruntukan telah diterima daripada Ibu Pejabat manakala peruntukan bagi Pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM 1,000.00 bagi Program GIS.

Pungutan Hasil

Pada tahun 2019 JAS WPKL telah membuat kutipan hasil iaitu sebanyak RM 177,011.64 berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2018 sebanyak RM 72,679.40 berjaya dikutip daripada aktiviti kompaun dan bayaran lain-lain. Pecahan kutipan hasil 2019 adalah seperti **Jadual 1.1**


Jadual 1.0 : Perjawatan JAS WPKL bagi tahun 2019

| Bil. | Jawatan | Gred | Bil. Kakitangan |
|-------------|-------------------------------------|-------------|------------------------|
| 1 | Pengarah (Pegawai Kawalan AS) | C54 | 1 |
| 2 | Ketua Pen.Pengarah (Peg.Kawalan AS) | C52/C48 | 2 |
| 3 | Pegawai Kawalan Kanan | C44 | 3 |
| 4 | Pegawai Kawalan | C44/C41 | 6 |
| 5 | Pen. Pegawai Kawalan Tinggi | C38 | 2 |
| 6 | Pen. Pegawai Kawalan Kanan | C32 | 11 |
| 7 | Pen. Pegawai Kawalan | C32/C29 | 15 |
| 8 | Penolong Jurutera | J29 | 18 |
| 9 | Juruteknik Kanan | J22 | 1 |
| 10 | Penolong Pegawai Tadbir Kanan | N32 | 1 |
| 11 | Pen. Pegawai Teknologi Maklumat | F29 | 1 |
| 12 | Setiausaha Pejabat | N29 | 1 |
| 13 | Pem. Akauntan/ Pen.Akauntan (KUP) | W19/W29 | 2 |
| 14 | Pembantu Tadbir (P/O) | N19 | 4 |
| 15 | Pembantu Am Pejabat | N11 | 1 |
| 16 | Pemandu | H11/R3 | 7 |
| | Jumlah Perjawatan | | 76 |

Jadual 1.1 : Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2019

| Kod | Aktiviti | Jumlah Kutipan (RM) |
|---------------|--|---------------------|
| 81101 | Terimaan Balik Bayaran | 2,404.09 |
| 81107 | Pulangan Balik Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) | 8,968.55 |
| 81108 | Pulangan Balik (Cola) | 1,800.00 |
| 81199 | Bayaran Balik | 48.00 |
| 72441 | Bayaran Caj Potongan Gaji | 807.00 |
| 72499 | Bayaran-Bayaran Yang Lain | 24.00 |
| 73199 | Jualan Barang-Barang Cetak | 60.00 |
| 73301 | Jualan Harta Benda Kerajaan | 7,100.00 |
| 71408 | Proses Lesen | 1,200.00 |
| 76199 | Bayaran Kompaun | 154,600.00 |
| JUMLAH | | 177,011.64 |

CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Rajah 1.0 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Latihan Dan Kursus

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah menetapkan setiap pegawai perlu menghadiri tujuh (7) hari berkursus atau latihan bagi tahun 2019. Seramai 69 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah melaksanakan keperluan tujuh (7) hari berkursus sepanjang tahun 2019.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

JAS WPKL telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada lima (5) kakitangan yang memberi komitmen yang tinggi sepanjang tahun 2019. Pecahan mengikut unit adalah seperti **Jadual 1.2**

Jadual 1.2 : Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2019

| Bil | Bahagian / Unit | Jumlah Pecahan |
|-----|-----------------------------------|----------------|
| 1. | Bahagian Operasi | 2 |
| 2. | Bahagian Pembangunan | 2 |
| 3. | Bahagian Pentadbiran dan Kewangan | 1 |
| | Jumlah | 5 |

PENGURUSAN ASET JABATAN

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertanggungjawab dalam melaksanakan:

- i. Pengurusan aset alih,
- ii. Pengurusan aset hidup,
- iii. Pengurusan aset tak ketara, dan
- iv. Pengurusan stor kerajaan.


JKPAK JAS WPKL bermesyuarat secara sukuan empat (4) kali setahun untuk melaporkan status pengurusan aset Jabatan ke Ibu Pejabat. Jadual Mesyuarat JKPAK JAS WPKL boleh dirujuk pada **Jadual 1.3**

Jadual 1.3 : Mesyuarat JKPAK JAS WPKL yang telah dilaksanakan 2019.

| Sukuan | Tarikh Mesyuarat |
|-------------------------------|------------------|
| Sukuan 1 (Januari – Mac) | 19 April 2019 |
| Sukuan 2 (April – Jun) | 16 Julai 2019 |
| Sukuan 3 (Julai – September) | 2 Oktober 2019 |
| Sukuan 4 (Oktober – Disember) | 7 Januari 2020 |

Carta Organisasi Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh dirujuk pada **Rajah 1.1**

CARTA ORGANISASI
JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK)
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2019



Rajah 1.1 : Carta Organisasi JKPAK JAS WPKL tahun 2019.

Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) digunakan di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tujuan pengurusan dan kawalan status aset alih dan stok Jabatan.



Sistem Pemantauan Pengurusan Aset


Pengurusan aset dan stor di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada tiga (3) kategori stor utama iaitu stor Teknikal, stor Pentadbiran dan stor ICT.

Jadual 1.4 : Nilai Keseluruhan Aset dan Stok JAS WPKL 2019

| ASET ALIH JAS WPKL 2019 | | |
|-------------------------|----------|-----------------------------|
| Perkara | Bilangan | (RM) |
| Harta Modal | 258 | 2,364,985.83 |
| Aset Bernilai Rendah | 275 | 106,590.80 |
| STOK JAS WPKL 2019 | | |
| Baki Stok Semasa | (RM) | Kadar Pusingan Stok Tahunan |
| 31 Disember 2019 | 9,310.33 | 4.05 |

Jawatankuasa Pengurusan Aset Tak Alih (JKPAK Fasiliti) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jawatankuasa Pengurusan Aset Tak Alih (JKPAK Fasiliti) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertanggungjawab dalam melaksanakan pengurusan aset tak alih (fasiliti) yang dibawah seliaan JAS WPKL. **Rajah 1.2** menunjukkan Carta Organisasi JKPAK Fasiliti JAS WPKL 2019.




Rajah 1.2 : Carta Organisasi Pengurusan Aset Tak Alih (Fasiliti) Di Bawah Seliaan JAS WPKL



“

Kualiti alam sekitar berada pada tahap baik dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat

”






BAH 2

BAHAGIAN OPERASI

PUNCA-PUNCA TETAP


Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Pada tahun 2019, terdapat 1752 inventori punca-punca pencemaran dari premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) yang telah dikenalpasti di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) mengikut kod *Standard Industrial Classification* (SIC) seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2.1**. Bilangan premis yang tertinggi adalah premis yang terletak di bawah kod SIC bengkel/*Workshop* iaitu sebanyak 200 dan diikuti kod SIC Perubatan iaitu sebanyak 158.




Rajah 2.1 : Bilangan PYBDT Berdasarkan Kod SIC

JAS WPKL telah melaksanakan penguatkuasaan di lapangan (*Command and Control*, CAC) sebanyak **510** lawatan pemeriksaan manakala penguatkuasaan secara *desktop enforcement* (DE) pula adalah sebanyak **148** seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2.2**



Rajah 2.2 : Bilangan Penguatkuasaan CAC dan DE

Penguatkuasaan ke atas PYBDT adalah berdasarkan pematuhan kepada empat (4) peraturan utama iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan juga Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009. Peratus pematuhan berdasarkan empat peraturan tersebut adalah seperti di **Rajah 2.3**




Rajah 2.3 : Peratus Pematuhan PYBDT Diperiksa Berdasarkan Empat (4) Peraturan

Utama Di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

Pada tahun 2019, sebanyak 86.9% premis patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, 89.8% premis patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, 89.20% premis patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, (Udara Bersih) 2014 dan 50.0% premis patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat dua (2) inventori punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009 iaitu Tapak Pelupusan Sampah dan Tapak Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur.

Hasil daripada penguatkuasaan ke atas PYBDT, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap semua premis yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) serta peraturan-peraturan di bawahnya. Tindakan-tindakan penguatkuasaan tersebut termasuklah notis arahan iaitu sebanyak 65 dan kompaun sebanyak 68 telah dikeluarkan serta tiga (3) penyediaan kertas kertas siasatan telah dibuka untuk tindakan mahkamah (**Rajah 2.4**).




Rajah 2.4 : Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Ketidapatuhan AKAS 1974 bagi PYBDT

Pemantauan pelaksanaan program *Guided Self Regulation* (GSR) diteruskan dengan susulan maklumbalas *Environmental Mainstreaming Tools* (EMT) disamping menjalankan verifikasi EMT bagi PYBDT yang telah memberi maklumbalas sebelum ini. Terdapat tujuh (7) EMT yang perlu dicapai dan dilaksanakan oleh pihak PYBDT dalam menuju ke arah pematuhan sendiri (*self regulation*) yang merupakan matlamat Jabatan Alam Sekitar iaitu *Environmental Policy* (EP), *Environmental Budgeting* (EB), *Environmental Monitoring Committee* (EMC), *Environmental Facility* (EF), *Environmental Competency* (EC), *Environmental Reporting and Communication* (ERC) dan *Environmental Transparency* (ET). Pada tahun 2019, sebanyak 453 maklumbalas pelaksanaan GSR tersebut telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sebanyak 37 premis telah memenuhi ketujuh-tujuh EMT tersebut.


Penguatkuasaan Terhadap Loji Pengolahan Kumbahan

Pada tahun 2019, pihak Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah meneruskan program penguatkuasaan terhadap pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 ke atas loji pengolahan kumbahan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan penguatkuasaan terhadap loji pengolahan kumbahan adalah merupakan kesinambungan kepada program penguatkuasaan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) yang dilaksanakan secara berterusan pada setiap tahun. Aktiviti penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan dijalankan dengan menggunakan kaedah *command and control* (CAC) terhadap semua premis pengolahan kumbahan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 166 lawatan pemeriksaan telah dijalankan ke atas loji- loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan loji pengolahan kumbahan milikan persendirian. Daripada jumlah tersebut, hanya sepuluh (10) loji kumbahan yang tidak patuh. Sebanyak sepuluh (10) notis arahan telah dikeluarkan, sepuluh (10) kompaun telah ditawarkan bagi setiap kesalahan dan satu (1) tindakan mahkamah telah dikenakan. Peratusan pematuhan premis loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 secara *command and control* (CAC) di akhir tahun 2019 adalah sebanyak 93.98% telah patuh.



Rajah 2.5 : Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2019 Oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Rajah 2.6 : Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Ketidapatuhan AKAS 1974 bagi Loji Pengolahan Kumbahan

Penguatkuasaan Ke Atas Punca-Punca Buangan Terjadual Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Dan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), semua urusan yang berkaitan dengan buangan terjadual telahpun menggunakan sistem atas talian yang dikenali sebagai *Electronic Schedule Waste Information System* (eSWIS). Penggunaan sistem ini memudahkan lagi kerja-kerja pelaporan terhadap pengendalian dan pengurusan buangan terjadual termasuk pelaporan notifikasi, inventori, dan nota konsainan pengeluar dan penerima buangan terjadual. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 1170 pengeluar buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telahpun berdaftar dan menggunakan sistem eSWIS dengan peratus pendaftaran sebanyak 83.33% daripada jumlah keseluruhan yang tertakluk iaitu 1404 premis.

Sepanjang tahun 2019, program-program penguatkuasaan terhadap pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telahpun diteruskan bagi premis-premis yang menghasilkan buangan terjadual iaitu Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) dengan memberi tumpuan kepada premis-premis yang sedia ada dan mengenalpasti punca-punca baru dengan mendapatkan maklumat premis dan mengemaskini senarai inventori pengeluar buangan terjadual secara keseluruhan.

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) adalah premis atau kemudahan yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di bawah seliaan JAS WPKL pada tahun 2019, terdapat enam (6) Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan tersebut. Daripada jumlah tersebut, lima (5) merupakan pembaharuan lesen, manakala satu (1) adalah lesen baru premis Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste). Sebanyak 26 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap kesemua 6 premis PYDT BT tersebut dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).

Bagi kerja-kerja penguatkuasaan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) pula, sebanyak 768 pemeriksaan telahpun dijalankan terhadap premis-premis punca yang menghasilkan buangan terjadual sepanjang tahun 2019. Pemeriksaan ini termasuklah pemeriksaan siasatan secara rutin dan berjadual serta ulang-siasat susulan


pematuhan premis bagi kes-kes ketidakpatuhan. Peratus pematuhan keseluruhan bagi penguatkuasaan premis PYBDT sepanjang tahun 2019 adalah kira-kira 94.0 %.

Berdasarkan rekod, sebanyak 55,123.11 tan metrik buangan terjadual telah dijana sepanjang tahun 2019 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut kategori buangan yang paling tinggi dihasilkan adalah SW 305 iaitu minyak pelincir terpakai iaitu sebanyak 17,510.90 tan metrik atau 31.77% daripada keseluruhan buangan terjadual yang dihasilkan. Buangan minyak pelincir terpakai biasanya berpunca daripada bengkel-bengkel atau pusat servis kenderaan yang sememangnya banyak terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kategori buangan lain yang turut tinggi dihasilkan pula adalah SW 418 iaitu buangan produk dakwat, cat, pigmen, lakuer, pewarna atau varnis yang terbuang atau tidak mengikut spesifikasi yang mengandungi pelarut organik dan SW 404 iaitu buangan patogenik, buangan klinikal atau bahan yang dikuarantrinkan dengan masing-masing sebanyak 15,470.06 tan metrik atau kira-kira 28.06% dan 11,624.85 atau kira-kira 21.08% daripada jumlah keseluruhan buangan. Kategori buangan-buangan lain yang dihasilkan ditunjukkan dalam **Jadual 2.0**

Jadual 2.0 : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Terhasil Di WP Kuala Lumpur Dan Putrajaya, 2019 Mengikut Kod Buangan

| Bil. | Kod Buangan Terjadual | Kuantiti (MT/Tahun) |
|------|-----------------------|---------------------|
| 1 | SW 101 | 0.00 |
| 2 | SW 102 | 33.76 |
| 3 | SW 103 | 19.54 |
| 4 | SW 104 | 2.68 |
| 5 | SW 105 | 0.00 |
| 6 | SW 109 | 342.16 |
| 7 | SW 110 | 5,542.33 |
| 8 | SW 201 | 0.00 |
| 9 | SW 202 | 1.47 |
| 10 | SW 203 | 0.29 |
| 11 | SW 204 | 422.09 |
| 12 | SW 206 | 3.81 |
| 13 | SW 301 | 0.00 |
| 14 | SW 302 | 0.04 |
| 15 | SW 303 | 1.20 |

| Bil. | Kod Buangan Terjadual | Kuantiti (MT/Tahun) |
|------|-----------------------|---------------------|
| 16 | SW 305 | 17,510.90 |
| 17 | SW 306 | 410.77 |
| 18 | SW 307 | 35.65 |
| 19 | SW 309 | 0.47 |
| 20 | SW 311 | 0.29 |
| 21 | SW 312 | 850.86 |
| 22 | SW 319 | 0.00 |
| 23 | SW 320 | 4.51 |
| 24 | SW 322 | 76.39 |
| 25 | SW 324 | 0.02 |
| 26 | SW 325 | 0.00 |
| 27 | SW 327 | 891.54 |
| 28 | SW 401 | 0.00 |
| 29 | SW 402 | 24.53 |
| 30 | SW 403 | 13.90 |
| 31 | SW 404 | 11,624.85 |
| 32 | SW 405 | 0.09 |
| 33 | SW 407 | 0.00 |
| 34 | SW 408 | 19.72 |
| 35 | SW 409 | 510.48 |
| 36 | SW 410 | 568.47 |
| 37 | SW 411 | 1.90 |
| 38 | SW 414 | 1.50 |
| 39 | SW 416 | 79.03 |
| 40 | SW 417 | 37.30 |
| 41 | SW 418 | 15,470.06 |
| 42 | SW 421 | 10.40 |
| 43 | SW 422 | 5.77 |
| 44 | SW 423 | 238.10 |
| 45 | SW 427 | 1.98 |
| 46 | SW 429 | 354.45 |
| 47 | SW 430 | 8.84 |
| 48 | SW 501 | 0.43 |
| | JUMLAH | 55,123.11 |



Rajah 2.7 : Peratus Kuantiti Buangan Terjadual Yang Terhasil di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2019

UNIT KENDERAAN BERMOTOR


Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel

Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

- i- Operasi Statik (Diesel, Petrol, Bunyi Bising Motosikal dan Gas Motorsikal)
- ii- Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video, dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan).
- iii- Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator).
- iv- Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam.
- v- Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Enjin Diesel

Sepanjang tahun 2019, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan sebanyak 29 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. Hasil operasi tersebut sejumlah 1,207 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 58 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan, daripada jumlah tersebut pula, 18 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) dan 57 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 98.5%.



Rajah 2.8 : Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas Kenderaan Berenjin Diesel tahun 2019



Operasi Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin

Operasi Bersepadu

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), FAMA dan Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2019, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 43 operasi melibatkan agensi-agensi tersebut




Rajah 2.9 : Bilangan Operasi Bersepadu yang telah dilaksanakan bersama agensi lain di sepanjang tahun 2019



Operasi Bersepadu Yang Dijalankan Bersama Pihak Agensi Lain

Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat menggunakan Video Kamera juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai Peronda JAS Kuala Lumpur telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan. Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan yang Diluluskan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 361 operasi catat telah dijalankan. Sebanyak 34,154 buah kenderaan diesel telah diperhatikan (**Rajah 2.10**) dan daripada jumlah itu, 69 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan mengikut jenis kenderaan adalah Peratus pematuhan keseluruhan adalah 99.8 %.



Rajah 2.10 : Bilangan Operasi Catat Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019

Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Sejumlah 72 lawatan telah dijalankan ke atas 38 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak 3 Notis Arahan dan 6 kompaun dikeluarkan ke atas Pengendali Berkumpulan pada tahun 2019. Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca.

Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL. Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapi dengan meter asap yang perlu dikalibrasi dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, dan PUSPAKOM Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2019, sebanyak 1 KYDL lagi telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu RAPID BUS SDN.BHD Depoh Maluri. Sebanyak 14 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan pada tahun 2019 ke atas KYDL ini sebagai langkah untuk memastikan prosedur uji semula dijalankan mengikut tatacara yang telah digariskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Pada tahun 2019, sebanyak 184 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM dihadapan pegawai pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.




Pemeriksaan Di Premis FO/KYDL

Kawalan Pelepasan Asap Di Hentian Bas Awam

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas Lapan (8) buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Duta, Hentian Pekeliling, Hentian Putrajaya Sentral, Terminal Bersepadu Selatan, Hentian Puduraya dan Hentian Sentral. Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 10 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 154 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2019 tiada kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, walaubagaimanapun satu (1) Surat Arahan di lapangan telah dikeluarkan iaitu arahan supaya pemandu bas mematikan enjin kenderaan semasa berada di hentian.



Operasi di Hentian Bas



Rajah 2.11 : Penguatkuasaan Bagi Pelepasan Asap Di Hentian Bas Awam

Kawalan Pengurusan Refrigeran

Sebanyak 10 Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (aircond) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan Refrigerant Identifier sepanjang tahun 2019 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Kesemua Pusat Servis Penghawa Dingin yang disiasat telah mematuhi peraturan di atas




Pemeriksaan pematuan dan pengujian dengan menggunakan Refrigerant Identifier

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2019, sebanyak 5 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Melalui operasi tersebut sejumlah 48 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Sepuluh (10) kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan Sembilan (9) buah daripadanya telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut. Perbandingan status pematuhan pelepasan gas CO/HC pada tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti di **Rajah 2.12**. Pemilik kenderaan yang gagal ujian pelepasan gas ini telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling supaya hadir ujian semula pelepasan gas di mana-mana JAS Negeri.



Rajah 2.12 : Status Pematuhan Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol




Operasi Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol

Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 4 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama PDRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan kerajaan. Sebanyak 113 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan paras bunyi maksimum dan sebanyak 13 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan ujian bunyi bising. Dari jumlah tersebut 3 buah motorsikal telah dikenakan kompaun dan lapan (8) surat arahan untuk ujian semula bunyi bising atas kesalahan tersebut. Perbandingan status tindakan keatas bunyi bising kenderaan motor pada tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti di **Rajah 2.13**




Rajah 2.13 : Status Tindakan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal



Operasi Pelepasan Bunyi Bising Motosikal

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motosikal

Pada tahun 2019, sebanyak 10 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas Motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sebanyak 86 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas bagi motosikal yang sedang digunakan. Daripada jumlah tersebut didapati 12 buah motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak 3 kompaun dan 12 Surat Arahan dikeluarkan kepada pemilik motosikal yang gagal mematuhi had. Perbandingan status tindakan ke atas pelepasan gas CO daripada motosikal pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti di **Rajah 2.14**



Rajah 2.14 : Status Tindakan Terhadap Pelepasan Gas CO daripada Motosikal




Operasi Pelepasan Gas CO daripada Motosikal

ADUAN

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 727 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 499 kes yang diterima pada tahun 2018 iaitu peningkatan penerimaan aduan sebanyak 228 kes atau 31.4%.


Statistik aduan yang telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) menunjukkan bahawa bilangan aduan yang tertinggi diterima adalah pada tahun 2019. Aduan daripada pengadu diterima melalui talian telefon *hotline*, aplikasi What'sApp, sistem e-aduan, saluran internet serta secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan yang diterima JAS WPKL sejak tahun 2009 sehingga tahun 2019 adalah seperti di **Rajah 2.15**



Rajah 2.15 : Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2009 Sehingga Tahun 2019.

Pecahan jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2019 pula, pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 494 kes (87.3 %) diikuti dengan kes pencemaran air sebanyak 48 kes (9%), kes pencemaran bunyi bising sebanyak 13 kes (2.3%), kes pencemaran buangan terjadual sebanyak tiga (3) kes (1%) dan kes pencemaran lain-lain yang dikategorikan sebagai aduan umum sebanyak enam (6) kes (0.2%) daripada jumlah kes pencemaran yang diterima. Manakala kes pencemaran tumpahan minyak sebanyak satu (1) kes (0.2 %). Pecahan bilangan mengikut jenis aduan adalah seperti di dalam **Rajah 2.16** – Bilangan jenis

aduan yang diterima JAS WPKL dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bagi aduan yang terletak di luar bidang kuasa, Jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada jabatan yang berkaitan atau pihak yang mempunyai bidang kuasa bagi membantu menyelesaikan aduan yang telah diterima.



Rajah 2.16 : Carta Peratusan jenis aduan tahun 2019

RONDAAN MENEGAH PENCEMARAN

Sebanyak **539** rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

PENDAKWAAN

KOMPAUN

Sepanjang tahun 2019, sebanyak **102** tawaran kompaun telah dikeluarkan oleh pasukan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL). Kesemua tawaran kompaun tersebut adalah merangkumi kesalahan – kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan – Peraturan dibawahnya.


Sepanjang tahun 2019, sebanyak tiga (**3**) kompaun dikeluarkan bagi kesalahan kes pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, manakala **3** kompaun dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009, empat (**4**) kompaun di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 serta **11** kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Seterusnya, sebanyak **46** kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Bagi kawalan pencemaran udara, sebanyak **10** dan **19** tawaran kompaun masing - masing telah dikeluarkan di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Sementara itu, sebanyak **3** tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 dan **3** lagi tawaran kompaun di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987.

Hasil daripada kesemua tawaran kompaun tersebut, pada tahun 2019 JAS WPKL telah berjaya mengumpul hasil bayaran kompaun sebanyak **RM 136,300.00**. Walaubagaimanapun, terdapat satu (1) kompaun yang masih belum di bayar dan pegawai penyiasat telah diarahkan untuk menyediakan kertas siasatan bagi tujuan tindakan susulan ke mahkamah.



Rajah 2.17 : Taburan Kompaun yang telah dikeluarkan oleh JAS WPKL tahun 2019

TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2019, Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah mengambil tindakan mahkamah terhadap **22** kes kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). Kesalahan tersebut membabitkan **20** kes pendakwaan di bawah Seksyen 22(1), AKAS 1974 dan **dua (2)** kes di bawah Seksyen 34A(7), AKAS 1974.

Daripada jumlah tersebut, 11 kes telah didakwa di bawah Seksyen 22(1) AKAS 1974 dengan keseluruhan denda yang dikenakan berjumlah RM 61,500.00. Manakala empat (4) kes lagi telah dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) oleh mahkamah kerana pihak OKS tidak dapat dikesan, 2 kes tidak diteruskan (NFA) oleh pihak Jabatan kerana Orang Kena Saman (OKS) telah meninggal dunia dan baki tiga (3) kes lagi adalah kes dimana OKS telah membayar kompaun dengan jumlah kompaun keseluruhan sebanyak RM 4,600.00.

Sementara itu, jumlah denda bagi 2 kes yang telah dikenakan tindakan mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 34(A)7, AKAS 1974 adalah berjumlah RM 140,000. Maka jumlah keseluruhan kutipan denda yang dikenakan kepada OKS sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak **RM 201,500.00**.

Di samping itu, sepanjang tahun 2019 juga, sebanyak **11** kertas siasatan baru telah dibuka bagi kesalahan yang telah dilakukan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya. Daripada jumlah itu, sebanyak **2** kes telah didaftarkan di mahkamah dan seterusnya tindakan mahkamah terhadap kes – kes tersebut akan dijalankan pada tahun 2020.

**Jadual 2.1 : Bilangan Kes Bagi Tindakan Pendakwaan di Mahkamah,
JAS WPKL Tahun 2019**

| KESALAHAN | BILANGAN KES | DENDA (RM) |
|---------------------------|--------------|-------------------|
| Seksyen 22, AKAS 1974 | | 61,500.00 |
| i. Pendakwaan di mahkamah | 11 | |
| ii. DNAA | 4 | |
| iii. DNA (Bayar Kompaun) | 3 | |
| iv. NFA | 2 | |
| Seksyen 34(A)7, AKAS 1974 | | 140,000.00 |
| i. Pendakwaan di mahkamah | 2 | |
| JUMLAH | | 201,500.00 |

*Nota : DNAA – Dilepaskan tanpa dibebaskan, DNA- Dilepaskan dan dibebaskan, NFA – Kes tidak diteruskan



BAH

3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PENILAIAN

Pemprosesan Laporan EIA

Pada tahun 2019, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menerima dan memproses dua (2) Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan dua (2) Laporan *Term of Reference* (TOR). Tempoh pemprosesan adalah mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan. Selain itu, sebanyak lapan (8) Laporan *Environmental Monitoring Report* (EMP) telah diterima dan diproses pada tahun 2019.

Input Pembangunan

Pada tahun 2019, JASWPKL telah menganjurkan Seminar Panduan *Environmental Impact Assessment Guideline In Malaysia* (EGIM) Dan *Environmental Essentials For Siting Of Industries In Malaysia* (EESIM) pada 10 April 2019 bertempat di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB). Peserta seminar adalah pegawai-pegawai daripada Pihak Berkuasa Tempatan (DBKL & Perbadanan Putrajaya), Jabatan Persekutuan, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Pegawai JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Garis panduan bertajuk *Environmental Impact Assessment Guideline In Malaysia* (EGIM) dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 atau lebih dikenali sebagai Perintah EIA 2015, Perintah EIA 2015 ini merupakan pindaan kepada Perintah EIA 1987 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Ia memberi panduan kepada semua pihak samada pemaju projek, Jururunding EIA, agensi/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pegawai JAS sendiri dalam memahami aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada keperluan penyediaan laporan EIA, prosedur pemprosesan laporan EIA dan maklumat penting yang perlu ada dalam sesebuah laporan EIA serta agenda mengarusperdanakan alam sekitar dan budaya pematuhan sendiri terpimpin (Guided Self Regulation – GSR) dalam prosedur EIA.

Garis panduan bertajuk *Environmental Essentials For Siting Of Industries In Malaysia* (EESIM) pula merupakan terbitan Jabatan Alam Sekitar pada Oktober 2017 yang menggantikan *Guidelines For Siting and Zoning of Industry and Residential Areas* (SZIRA 2012) yang mana penggunaan terma Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi pembangunan yang tidak tertakluk EIA diperkenalkan.


Namun, terma PAT tersebut telah dimansuhkan dan tidak digunakan lagi dalam EESIM. Garispanduan ini merupakan panduan yang komprehensif dan praktikal bagi mengarusperdanakan elemen alam sekitar dalam sesuatu pembangunan. Impak-impak alam sekitar dikaji berdasarkan kepada jenis pembangunan industri yang dicadangkan melalui keperluan teknologi dan alat kawalan yang berkesan dalam memastikan kesesuaian sesuatu tapak cadangan pembangunan tersebut.

Pada tahun 2019, sebanyak 16 permohonan telah diterima daripada pelbagai agensi. Pada keseluruhannya permohonan Input Pembangunan diterima di JAS WPKL adalah 4 permohonan daripada sektor operasi kilang (PYBDT), 8 pembinaan sementara premis pembancuh konkrit (*Concrete Batching Plant*) dan 4 pembinaan kawasan perumahan, projek-projek tidak tertakluk penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) dan penempatan di kawasan premis sedia ada. Foto 3.1 menunjukkan contoh premis pembancuh konkrit (*Concrete Batching Plant*) yang dibina di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Bagi tahun 2019, status bilangan permohonan Input Pembangunan yang diterima oleh JAS WPKL bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah seperti di **Rajah 3.1** dan **Rajah 3.2**



Premis Pembancuh Konkrit Sementara



Rajah 3.1 : Status Permohonan Input Pembangunan bagi tahun 2019 mengikut sektor permohonan



Rajah 3.2 : Bilangan Permohonan yang diterima bagi Tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019

Permohonan Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharaan Bertulis

Permohonan Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis bagi Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) diterima daripada premis industri, projek pembinaan bangunan kediaman, pejabat, premis komersil dan bangunan kerajaan. Permohonan Perisytiharan Bertulis adalah susulan daripada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ulasan Pemberitahuan Bertulis.

JASWPKL telah menerima sebanyak 1729 permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan 171 permohonan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) bagi tahun 2019. Berikut adalah foto berkaitan pemasangan bagi Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU).



Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU iaitu Beg Penapis) yang dipasang di Loji Pembancuh Konkrit Sementara



Alat Pembakaran Bahanapi - Janakuasa Tunggusedia



Alat Kawalan Pencemaran - Cerobong




Alat Pembakaran Bahanapi - Dandang Air

PENGUATKUASAAN EIA

Penguatkuasaan Post EIA

Sebanyak 127 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 12 projek EIA yang dipantau bagi tahun 2019 yang melibatkan projek di peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak 128 *field citation*, 19 Notis Arahan, 2 kompaun, Kes Mahkamah tiga (3), dan Perintah Larangan 1 dikeluarkan bagi tahun 2019.



Rajah 3.3 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015


Beberapa contoh langkah-langkah kawalan pencemaran di peringkat kerja tanah bagi projek-projek EIA adalah seperti gambar-gambar yang ditunjukkan.



“Wash Trough” di Kawasan Projek.



“Silt Pond & Waste Water Treatment Plant” di Kawasan Projek.



“Noise Barrier”.



“Silt Fence”.



“Perimeter Drain” di Tapak Projek.




“Turfing” di Tapak Projek.



“Silt Trap” di Tapak Projek.



“Earth Drain” di Tapak Projek.



“Slope Protection” di Tapak Projek




“Schedule Waste Storage”.

GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS)

Geospatial

Aplikasi GIS dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti di Rajah 3.4 telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan.



Rajah 3.4 : Portal GIS Jabatan Alam Sekitar

Aplikasi ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini dapat membantu pegawai JAS dalam memproses permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT), penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan permis dan pengawasan alam sekitar.

Pengawasan Kualiti Alam Sekeliling Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawasan bagi status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenal pasti sebarang perubahan disekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Program pengawasan kualiti alam sekeliling di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2019 terbahagi kepada tiga (3) iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai. Pemantauan bagi kes-kes aduan daripada projek EIA yang diterima terutamanya aduan bunyi bising dan gegaran daripada aduan orang awam turut dilaksanakan semasa kerja-kerja pembinaan projek.

Kerja-kerja pengawasan dilaksanakan secara pemantauan dilapangan serta pemantauan data secara desktop melalui Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Management Programme – EQMP*) dan Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS) seperti di **Rajah 3.5**.



Rajah 3.5 : Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS)

Data dan Input yang diperolehi akan disalurkan kepada Bahagian Operasi JAS WPKL bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling.

Pengawasan Kualiti Air Tanah

Program pengawasan kualiti air tanah di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bermula sejak tahun 1997. Sepanjang tahun 2019, terdapat tujuh (7) stesen Air Tanah seliaan JAS WPKL seperti di **Jadual 3.1**

Jadual 3.1: Lokasi Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019

| Bil | Lokasi | Jenis Guna Tanah | ID Stesen Baru / ID stesen Lama | Long/Lat |
|-----|----------------------------|------------------------------|--|----------------------------|
| 1 | Taman Beringin Keping | Tapak Pelupusan Sisa pepejal | MW(7)-W310115-4-7.26 / MW(7)-S13-1-7.26m (A) | E 101.658580 N 3.232221 |
| 2 | Taman Beringin Keping | Tapak Pelupusan Sisa pepejal | MW(7)-W310115-5-6.10 / MW(7)-S13-2-6.10m (B) | E 101.656352 N 3.227653 |
| 3 | Jalan Sungai Besi | Tapak Pelupusan Sisa pepejal | MW(7)-W310115-1-5.50 / MW(7)-S11-1-5.50m (A) | E 101.708737 N 3.105767 |
| 4 | Jalan Sungai Besi | Tapak Pelupusan Sisa pepejal | MW(7)-W310115-2-5.54 / MW(7)-S11-1-5.54m (B) | E 101.709923 N 3.107251 |
| 5 | Jalan Sungai Besi | Tapak Pelupusan Sisa pepejal | MW(7)-W310115-3-5.57 / MW(7)-S11-1-5.57m (C) | E 101.709923 N 3.107251 |
| 6 | Royal Selangor Golf Resort | Padang Golf | MW(7)-W310115-6-5.37 / MW(7)-S12-1-5.37m (C) | E 101.724000 N 3.148000 |
| 7 | Taman Wetland Putrajaya | Bandar / Separa Bandar | MW(7)-W210103-1-10.0 | E 101.713632 N 2.962034 |

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima serahan kunci bagi satu (1) stesen baru Pengawasan Air Tanah yang terletak di Wetland Putrajaya pada 18 Julai 2019 dan mula mendapatkan data bacaan pada sukuan ketiga.

Peruntukan sebanyak RM 3970.00 diterima oleh JAS WPKL bagi kerja-kerja penyelenggaraan di enam (6) daripada tujuh (7) lokasi Stesen Air Tanah di sekitar Kuala Lumpur kecuali di Putrajaya yang merupakan stesen baru.



Satu (1) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah yang terletak di Royal Selangor Golf Club



Dua (2) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Taman Beringin Kepong



Tiga (3) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah yang terletak di Jalan Sungai Besi



Satu (1) Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah yang terletak di Taman Wetland Putrajaya

Kerja-kerja persampelan Kualiti Air Tanah bagi setiap stesen telah selesai dilaksanakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2019 kecuali di stesen Royal Selangor Golf Club yang masih dalam penyelenggaraan.



Aktiviti pengawasan Air Tanah



Kerja-kerja persampelan air tanah

Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) merupakan indikator bagi menentukan kategori dan status kualiti air tanah. Terdapat tujuh (7) parameter yang diambil kira dalam pengiraan IKAT iaitu pH, Ferum, Jumlah pepejal terlarut, Nitrat, E-coli, Fenol dan Sulfat seperti di **Jadual 3.2**

Jadual 3.2 Klasifikasi Indeks Kualiti Air Tanah

| INDEKS KUALITI AIR TANAH | |
|--------------------------|--------------|
| KATEGORI | NILAI INDEKS |
| Terbaik | 90-100 |
| Baik | 70 - 89 |
| Sederhana | 40 - 69 |
| Tercemar | 16 - 39 |
| Sangat Tercemar | 0 - 15 |

Status Indeks Kualiti Air Tanah bagi tujuh (7) stesen seliaan JAS WPKL bagi tahun 2019 boleh dirujuk pada **Jadual 3.3**

Jadual 3.3 Status Indeks Kualiti Air Tanah Stesen Seliaan JAS WPKL, 2019


| KLASIFIKASI STESEN | KAWASAN | NOMBOR STESEN | IKAT 2019 | KATEGORI |
|------------------------------|----------------------------|--|-----------|-----------|
| Tapak Pelupusan Sisa pepejal | Taman Beringin Keping | MW(7)-W310115-4-7.26 / MW(7)-S13-1-7.26m (A) | 82 | BAIK |
| Tapak Pelupusan Sisa pepejal | Taman Beringin Keping | MW(7)-W310115-5-6.10 / MW(7)-S13-2-6.10m (B) | 69 | SEDERHANA |
| Tapak Pelupusan Sisa pepejal | Jalan Sungai Besi | MW(7)-W310115-1-5.50 / MW(7)-S11-1-5.50m (A) | 71 | BAIK |
| Tapak Pelupusan Sisa pepejal | Jalan Sungai Besi | MW(7)-W310115-2-5.54 / MW(7)-S11-1-5.54m (B) | 68 | SEDERHANA |
| Tapak Pelupusan Sisa pepejal | Jalan Sungai Besi | MW(7)-W310115-3-5.57 / MW(7)-S11-1-5.57m (C) | 81 | BAIK |
| Padang Golf | Royal Selangor Golf Resort | MW(7)-W310115-6-5.37 / MW(7)-S12-1-5.37m (C) | N/A | N/A |
| Bandar / Separa Bandar | Taman Wetland Putrajaya | MW(7)-W210103-1-10.0 | 72 | BAIK |

* N/A : Tiada Persampelan pada tahun 2019 kerana stesen masih dalam penyelenggaraan

* Persampelan pertama Taman Wetland Putrajaya bermula pada 18 Julai 2019 kerana ianya baru beroperasi.

Pengawasan Kualiti Udara

Pengawasan Kualiti Udara dilakukan melalui 2 kaedah iaitu secara automatik dan manual. Terdapat tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara automatik (*Continuous Air Quality Monitoring – CAQM*) dan tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara manual (*Manual Air Quality Monitoring – MAQM*) dibawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data-data pengawasan dipantau melalui Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme - EQMP).



Rajah 3.6 : Pemantauan status kualiti udara melalui Sistem EQMP

Stesen Udara Automatik mengukur status kualiti udara ambient secara berterusan.


Jadual 3.4 menunjukkan maklumat Stesen Udara Automatik.

Jadual 3.4 Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019

| STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK / Continues Air Quality Monitoring Station (CAQMS) | | | |
|---|---|------------------------|-----------|
| NAMA STESEN | LOKASI | LOG/LAT | KATEGORI |
| Batu Muda CA15W | Sekolah Kebangsaan Batu Muda Jalan 2/12d, Sentul, 51100 Kuala Lumpur | 101.682228 3.212439 | Sub Urban |
| Cheras CA16W | Stadium Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permaisuri Jalan Seri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur | 101.717917 3.106236 | Urban |
| Presint 18 CA17W | Sekolah Kebangsaan Presint 18 (2) No.3, Jalan P18, Presint 18, 2100 Putrajaya | 101.69005 2.914816 | Sub Urban |



Stesen Udara Automatik di Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Stesen Udara Automatik di Sekolah Menengah Seri Permaisuri, Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Stesen Udara Automatik di Sekolah Kebangsaan Presint 18(2),
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Stesen Udara Manual Kuala Lumpur mengukur kualiti udara yang diambil persampelan setiap enam (6) hari untuk dianalisis di makmal. **Jadual 3.5** menunjukkan maklumat stesen udara manual.

**Jadual 3.5 Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual seliaan Jabatan Alam
Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019**

| STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA MANUAL / Manual Air Quality Monitoring Station (MAQMS) | | |
|---|--|------------------------|
| NAMA STESEN | LOKASI | LOG/LAT |
| Klinik Kesihatan Kuala Lumpur MA04W | MRR1 Jalan Temerloh, Titiwangsa 53200 Kuala Lumpur, | 101.707494 3.173285 |
| Wisma SCA MA05W | JAS WPKL No.3, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur | 101.712559 3.132627 |
| Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur MA06W | Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur | 101.694368 3.151995 |



Stesen Udara Manual di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Stesen Udara Manual di Wisma SCA, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Stesen Udara Manual di Bangunan DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Status Kualiti Udara diukur dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Antara parameter-parameter IPU yang diukur adalah Pepejal terampai bersaiz 10 mikrometer (PM_{10}) dan bersaiz 2.5 mikrometer ($PM_{2.5}$), Sulfur dioksida (SO_2), Nitrogen doiksida (NO_2), Karbon monoksida (CO) dan ozon paras bumi (O_3). **Jadual 3.6** menunjukkan status bacaan Indeks Kualiti Udara (IPU).

Jadual 3.6 Bacaan Indeks Kualiti Udara (IPU)


| Indeks Pencemaran Udara (IPU) | Status |
|--------------------------------|--------------------|
| 0-50 | Baik |
| 51-100 | Sederhana |
| 101-200 | Tidak Sihat |
| 201-300 | Sangat Tidak Sihat |
| >300 | Berbahaya |

Pada tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan standard baru kualiti udara ambien. Jadual 3.6 menunjukkan Interim Target IT-2 (2018) dan standard bacaan kualiti udara ambien pada tahun 2020 seperti di **Jadual 3.7**

Jadual 3.7: Interim Target 2018 dan Standard Baru Kualiti Udara Ambien Tahun 2020

| STANDARD BARU KUALITI UDARA AMBIEN (2013) BAGI INTERIM TARGET (IT-2) 2018 | | | | STANDARD (2020) | |
|--|---------------------------------|---------------|---------|--------------------|---------|
| Bahan Pencemar / Pollutant | Masa Purata / Averaging Time | Garis Panduan | | Garis Panduan | |
| | | mg/m3 | (µg/m3) | mg/m3 | (µg/m3) |
| Ozon / Ozone (Ground Level) (O ₃) | 1 Hour | | 200 | | 180 |
| | 8 Hours | | 120 | | 100 |
| Karbon Monoksida / Carbon Monoxide (CO) | 1 Hour | 35 | | 30 | |
| | 8 Hours | 10 | | 10 | |
| Nitrogen Dioksida / Nitrogen Dioxide (NO ₂) | 1 Hour | | 300 | | 280 |
| | 24 hours | | 75 | | 70 |
| Sulfur Dioksida (SO ₂) / Sulphur Dioxide (SO ₂) | 1 Hour | | 300 | | 250 |
| | 24 hours | | 90 | | 80 |
| Pepejal Terampai (PM ₁₀) / Particulate Matter (PM ₁₀) | 24 Hours | | 120 | | 100 |
| | 12 Months | | 45 | | 40 |
| Pepejal Terampai (PM _{2.5}) / Particulate Matter (PM _{2.5}) | 24 Hours | | 50 | | 35 |
| | 12 Months | | 25 | | 15 |


Rajah 3.7 menunjukkan Status Kualiti Udara di Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi tahun 2019 yang puratanya berada di tahap sederhana. Episod Jerebu merentasi sempadan yang dihadapi Malaysia sekitar September hingga Oktober 2019 telah memberi peningkatan kepada status udara Tidak Sihat dan Sangat Tidak Sihat.



Rajah 3.7 : Bilangan Hari Status Kualiti Udara Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya 2019

Pengawasan Kualiti Air Sungai

Terdapat satu (1) stesen pengawasan kualiti air sungai (*Continuous River Water Quality Monitoring – CRWQM*) dan dua puluh enam (26) stesen pengawasan kualiti air sungai manual (*Manual River Water Quality Monitoring – MRWQM*) di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data-data pengawasan dipantau melalui Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Management Programme - EQMP*).



| RIVER WATER QUALITY (MRWQM) DATA FOR WPKL (NOVEMBER, 2019) | | | | | | | | | |
|--|-------|-------|-----------|------------------|------------------|----------|------------|-----------|--|
| NO. | STATE | Basin | RIVER | STATION ID (NEW) | STATION ID (OLD) | LATITUDE | LONGITUDE | SAMPLE ID | |
| 1 | WPKL | KLANG | KLANG | 2WKL0001 | 1K06 | 3.087549 | 101.664387 | SA1911317 | |
| 2 | WPKL | KLANG | KLANG | 2WKL0002 | 1K07 | 3.138222 | 101.694807 | SA1911380 | |
| 3 | WPKL | KLANG | KLANG | 2WKL0003 | 1K08 | 3.155487 | 101.701133 | SA1911279 | |
| 4 | WPKL | KLANG | KLANG | 2WKL0004 | 1K25 | 3.110830 | 101.675438 | SA1911309 | |
| 5 | WPKL | KLANG | SUNGUS | 2WKL0006 | 1K27 | 3.167938 | 101.705339 | SA1911284 | |
| 6 | WPKL | KLANG | PENJALAMA | 2WKL0010 | 1K50 | 3.148150 | 101.692738 | SA1911232 | |
| 7 | WPKL | KLANG | JANJANG | 2WKL0014 | 1K22 | 3.201411 | 101.674236 | SA1911317 | |
| 8 | WPKL | KLANG | KEROH | 2WKL0015 | 1K21 | 3.180044 | 101.678363 | SA1911319 | |
| 9 | WPKL | KLANG | COMBAK | 2WKL0018 | 1K17 | 3.172690 | 101.695192 | SA1911282 | |
| 10 | WPKL | KLANG | COMBAK | 2WKL0026 | 1K18 | 3.206120 | 101.699818 | SA1911305 | |
| 11 | WPKL | KLANG | BATU | 2WKL0028 | 1K20 | 3.235707 | 101.679913 | SA1911275 | |
| 12 | WPKL | KLANG | JANJANG | 2WKL0031 | 1K38 | 3.203940 | 101.670267 | SA1911318 | |
| 13 | WPKL | KLANG | TOBA | 2WKL0037 | 1K31 | 3.187783 | 101.658867 | SA1911315 | |
| 14 | WPKL | KLANG | LINTUT | 2WKL0038 | 1K30 | 3.173426 | 101.693979 | SA1911301 | |

Rajah 3.8 : Pemantauan status kualiti air sungai melalui Sistem Environmental Quality Management Programme - EQMP

Stesen *Continuous River Water Quality Monitoring* – CRWQM merupakan stesen automatik yang terletak di Kampung Pasir bagi memantau Confluences Sungai Kerayong dan STP Pantai. Maklumat berkaitan stesen boleh dirujuk pada **Jadual 3.8** dan **Jadual 3.9**

Jadual 3.8 : Stesen Pengawasan Automatik Kualiti Air Sungai di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019

| STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK / Continues River Water Quality Monitoring Station (CRWQM) | | | | |
|---|---|--|----------|--------------------|
| ID | NAMA STESEN | LOKASI | LOG/LAT | CATATAN |
| CR12W | KAMPUNG PASIR: Petaling, Kuala Lumpur | Confluences of Sungai Kerayong, STP Pantai | 101.6719 | Upstream 1K25 |
| | | | 3.090691 | Downstream 1K06 |



Stesen Pengawasan Air Sungai Automatik (CWRQM) seliaan JAS WPKL, 2019

Jadual 3.9 Status Data Parameter Stesen Pengawasan Air Sungai Automatik (CWRQM) seliaan JAS WPKL, 2019

| Data Stesen Automatik Januari - Disember 2019 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|-------|----------|-------|-------|-------|-------|-------------------|-------|-------|-------|--------------------|----------|-------|-------|-------------------|-------|-------|-------|
| CR12W | WQI | | | DO | | BOD | | | COD | | NH ₃ -N | | | SS | | | pH | |
| | INDEX | CATEGORY | CLASS | INDEX | CLASS | INDEX | CATEGORY | CLASS | INDEX | CLASS | INDEX | CATEGORY | CLASS | INDEX | CATEGORY | CLASS | INDEX | CLASS |
| JAN | 50 | POLLUTED | IV | 5 | IV | 81 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 63 | III | 0 | POLLUTED | V | 74 | SLIGHTLY POLLUTED | II | 99 | I |
| FEB | 50 | POLLUTED | IV | 4 | IV | 82 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 64 | III | 0 | POLLUTED | V | 74 | SLIGHTLY POLLUTED | II | 99 | I |
| MAC | 49 | POLLUTED | IV | 3 | V | 80 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 60 | III | NM | NM | NM | 75 | SLIGHTLY POLLUTED | II | 99 | I |
| APRIL | 52 | POLLUTED | III | 13 | IV | 81 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 60 | III | 1 | POLLUTED | V | 74 | SLIGHTLY POLLUTED | II | 99 | I |
| MEI | 53 | POLLUTED | III | 11 | IV | 82 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 64 | III | NM | NM | NM | 79 | CLEAN | II | 99 | I |
| JUN | 53 | POLLUTED | III | 15 | IV | 81 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 63 | III | NM | NM | NM | 70 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 99 | I |
| JULAI | 51 | POLLUTED | III | 3 | V | 83 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 76 | II | NM | NM | NM | 75 | SLIGHTLY POLLUTED | II | 99 | I |
| OGOS | 53 | POLLUTED | III | 4 | V | 82 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 76 | II | NM | NM | NM | 81 | CLEAN | II | 99 | I |
| SEPTEMBER | 52 | POLLUTED | III | 3 | V | 83 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 76 | II | NM | NM | NM | 75 | SLIGHTLY POLLUTED | II | 99 | I |
| OKTOBER | 54 | POLLUTED | III | 31 | V | 72 | POLLUTED | IV | 70 | II | 1 | POLLUTED | V | 63 | POLLUTED | III | 99 | I |
| NOVEMBER | 55 | POLLUTED | III | 26 | IV | 77 | POLLUTED | IV | 73 | II | 8 | POLLUTED | V | 60 | POLLUTED | III | 99 | I |
| DISEMBER | 57 | POLLUTED | III | 6 | IV | 77 | POLLUTED | IV | 74 | II | 38 | POLLUTED | IV | 70 | SLIGHTLY POLLUTED | III | 99 | I |

Stesen *Manual River Water Quality Monitoring* – MRWQM merupakan stesen manual yang diambil persampelan secara manual setiap dua (2) bulan sekali. Maklumat berkaitan stesen boleh dirujuk pada **Jadual 3.10** dan **Jadual 3.11**

**Jadual 3.10 Stesen Pengawasan Manual Kualiti Air Sungai di bawah seliaan
Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019**

| STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL / Manual River Water Quality Monitoring Station (MRWQM) | | |
|--|---------------|---|
| ID STESEN | SUNGAI | LOKASI |
| 2WKLG041 (1K35) | AIR BUSUK | Wisma Felda Ecovest, Kg Puah Sentul |
| 2WKLG047 (1K42) | ANAK AIR BATU | Masjid Universiti Malaya |
| 2WKLG056 (1K19) | BATU | Jambatan JPS Kg.Kasipillay |
| 2WKLG061 (Baru) | BATU | Jambatan Jalan Ipoh Kampung Batu |
| 2WKLG040 (1K34) | BELONGKONG | Pasar Besar Gombak |
| 2WKLG006 (1K27) | BUNUS | HKL |
| 2WKLG039 (1K33) | BUNUS | Pulapol Jln. Semarak |
| 2WKLG043 (1K37) | BUNUS | Sek.Men.Teknik Setapak |
| 2WKLG018 (1K17) | GOMBAK | Jambatan di Perhentian Tun Razak |
| 2WKLG026 (1K18) | GOMBAK | Kg.Bandar Dalam, Padang Balang |
| 2WKLG060 (Baru) | GOMBAK | PWTC |
| 2WKLG014 (1K22) | JINJANG | Sek.Keb. Batu |
| 2WKLG031 (1K38) | JINJANG | Bulatan Jalan Ipoh |
| 2WKLG045 (1K29) | JINJANG | Taman Wahyu(Kolam JPS) |
| 2WKLG015 (1K21) | KEROH | Kasepilley Dalam |
| 2WKLG001 (1K06) | KLANG | Jambatan di Petaling Bahagia |
| 2WKLG002 (1K07) | KLANG | Jambatan dekat Bangunan Sultan Sulaiman |
| 2WKLG003 (1K08) | KLANG | Jambatan Jalan Dang Wangi |
| 2WKLG004 (1K25) | KLANG | Jambatan Mid Valley dengan Flat Abd.Hukum |

| | | |
|-----------------|----------|----------------------------------|
| 2WKLG049 (1K09) | KLANG | Berhampiran Balai Bomba Keramat |
| 2WKLG052 (1K15) | KUYOH | Jambatan Bawah Berdekatan Petron |
| 2WKLG010 (1K50) | PENCHALA | Taman Lembah Kiara(TTDI) |
| 2WKLG051 (1K41) | KERAYONG | Sk Seri Setia Taman Desa |
| 2WKLG013 (1K47) | KERAYONG | Jalan Quarry Cheras |
| 2WKLG037 (1K31) | TOBA | Segambut Dalam |
| 2WKLG038 (1K32) | UNTUT | Kuarters Polis Sentul |



Lawatan pemantauan status stesen air sungai automatik dan manual



Persampelan in-situ di stesen manual air sungai

Status Kualiti Air Sungai Sungai diukur dengan Indeks Kualiti Air (IKA). Antara parameter-parameter IKA yang diukur adalah Oksigen Terlarut (DO), Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammonia Nitrogen ($\text{NH}_3\text{-N}$), Pepejal Terampai (SS) dan pH.

Jadual 3.11 Status Indeks Kualiti Air Sungai (IKA) di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2019

| ID STESEN | SUNGAI | Indeks Kualiti Air (Water Quality Index - WQI) | | | | | |
|------------------|---------------|---|-----|-----|-----|------|-----|
| | | JAN | MAC | MEI | JUL | SEPT | NOV |
| 2WKLG041 (1K35) | AIR BUSUK | 47 | 57 | 59 | 63 | 58 | 64 |
| 2WKLG047 (1K42) | ANAK AIR BATU | 72 | 71 | 75 | 80 | 70 | 72 |
| 2WKLG056 (1K19) | BATU | 51 | 61 | 55 | 60 | 52 | 50 |
| 2WKLG061 (Baru) | BATU | 75 | 66 | 70 | 66 | 63 | 70 |
| 2WKLG040 (1K34) | BELONGKONG | 67 | 38 | 64 | 62 | 67 | 75 |
| 2WKLG006 (1K27) | BUNUS | 48 | 49 | 50 | 44 | N/A | 52 |
| 2WKL G039 (1K33) | BUNUS | 67 | 73 | 76 | 73 | 63 | 69 |
| 2WKLG043 (1K37) | BUNUS | 71 | 75 | 67 | 74 | 80 | 65 |
| 2WKLG018 (1K17) | GOMBAK | 59 | 38 | 60 | 58 | 59 | 66 |
| 2WKLG026 (1K18) | GOMBAK | 66 | 55 | 60 | 58 | 59 | 64 |
| 2WKLG060 (Baru) | GOMBAK | 49 | 59 | 61 | 58 | 59 | 58 |
| 2WKLG014 (1K22) | JINJANG | 67 | 48 | 68 | 67 | 63 | 60 |
| 2WKLG031 (1K38) | JINJANG | 68 | 52 | 66 | 64 | 61 | 57 |
| 2WKLG045 (1K29) | JINJANG | 66 | 64 | 50 | 62 | 60 | 66 |
| 2WKLG015 (1K21) | KEROH | 53 | 62 | 59 | 60 | 48 | 52 |
| 2WKLG001 (1K06) | KLANG | 56 | 41 | 57 | 60 | 57 | 60 |
| 2WKLG002 (1K07) | KLANG | 74 | 65 | 59 | 64 | 60 | 60 |
| 2WKLG003 (1K08) | KLANG | 75 | 60 | 52 | 57 | 57 | 56 |
| 2WKLG004 (1K25) | KLANG | 62 | 55 | 56 | 66 | 59 | 65 |
| 2WKLG049 (1K09) | KLANG | 67 | 67 | 62 | 63 | 59 | 63 |
| 2WKLG052 (1K15) | KUYOH | 49 | 44 | 60 | 65 | 60 | 41 |
| 2WKLG010 (1K50) | PENCHALA | 90 | 89 | 85 | 74 | 89 | 86 |
| 2WKLG051 (1K41) | KERAYONG | 57 | 60 | 55 | 55 | 69 | 48 |
| 2WKLG013 (1K47) | KERAYONG | 38 | 45 | 45 | 43 | 45 | 37 |
| 2WKLG037 (1K31) | TOBA | 56 | 61 | 62 | 50 | 64 | 54 |
| 2WKLG038 (1K32) | UNTUT | 48 | 45 | 65 | 53 | 55 | 59 |

Catatan

PETUNJUK:

| | |
|-------------------------|------------------------|
| KELAS I (>92.7) | KELAS IV (31.0 - 51.9) |
| KELAS II (76.5 - 92.7) | KELAS V (<31.0) |
| KELAS III (51.9 - 76.5) | |

Petunjuk klasifikasi Indeks Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar boleh dirujuk pada **Jadual 3.12**

Jadual 3.12: Klasifikasi Indeks Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar

| Parameter | Unit | KELAS | | | | |
|---------------------------------|--------|--------|-------------|-------------|-------------|--------|
| | | I | II | III | IV | V |
| Ammonia Nitrogen | mg/l | < 0.1 | 0.1 – 0.3 | 0.3 – 0.9 | 0.9 – 2.7 | > 2.7 |
| Keperluan Oksi- gen Biokimia | mg/l | < 1 | 1 – 3 | 3 – 6 | 6 – 12 | > 12 |
| Keperluan Oksi- gen Kimia | mg/l | < 10 | 10 – 25 | 25 – 50 | 50 – 100 | > 100 |
| Oksigen Terlarut | mg/l | > 7 | 5 – 7 | 3 – 5 | 1 – 3 | < 1 |
| pH | - | > 7.0 | 6.0 – 7.0 | 5.0 – 6.0 | < 5.0 | > 5.0 |
| Pepejal Terampai | mg/l | < 25 | 25 - 50 | 50 - 150 | 150 - 300 | > 300 |
| Kualiti Air | Indeks | > 92.7 | 76.5 – 92.7 | 51.9 – 76.5 | 31.0 – 51.9 | < 31.0 |

Pengawasan Bunyi Bising

Program Pengawasan Bunyi Bising bagi tempoh 24 jam telah dijalankan sebanyak satu (1) kali bagi tahun 2019 susulan daripada kes aduan bunyi bising daripada projek EIA yang diterima daripada aduan orang awam.



Membantu melaksanakan pemantauan aduan bunyi bising orang awam

KESEDARAN DAN PENCEGAHAN

Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar

Aktiviti pendidikan, kesedaran alam sekitar dan sebaran maklumat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta penyampaian maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar untuk setiap peringkat masyarakat dilaksanakan seperti tahun-tahun sebelumnya. Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah, pameran dan taklimat yang melibatkan sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pihak industri dan komuniti. JAS WPKL juga mengadakan seminar Buangan Terjadual sempena sambutan Hari Ozon bertempat di Auditorium Technology Park Malaysia kepada kumpulan sasaran iaitu pihak industri dan orang awam. Selain itu, sambutan Hari Alam Sekitar Negara disambut di peringkat kebangsaan di Taman Rekreasi Pudu Ulu, Kuala Lumpur.

Bagi tahun 2019, sebanyak 63 kempen kesedaran alam sekitar telah diadakan berkenaan kepentingan penjagaan alam sekitar seperti ceramah, pameran, seminar dan aktiviti berbentuk alam sekitar di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi, industri dan lain-lain di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selain itu, sebanyak 19 ceramah atau taklimat berkenaan kesedaran alam sekitar telah disampaikan kepada pihak sekolah, industri, Institut Pendidikan Guru, pemaju projek dan org awam. Pameran juga telah dilaksanakan kepada 30 agensi/syarikat.

Program pendidikan alam sekitar juga diadakan dalam bentuk program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS). Pada tahun ini, KeKAS telah diadakan pada 4-6 Disember 2019 bertempat di Taman Eco Rimba Komanwel, Rawang, Selangor. Peserta-peserta terdiri daripada 16 orang kakitangan awam dan 3 orang peserta daripada Global Environment Centre (GEC).

Pada tahun 2019 juga, sebanyak 30 buah kolokium telah disampaikan oleh pegawai-pegawai Jabatan ini mahupun jemputan dari pihak luar. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan JAS WPKL. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai JAS WPKL yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu. Hands On penggunaan Postal GIS juga telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Putrajaya bagi memantapkan penggunaan aplikasi GIS.



Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS)

Hari Alam Sekitar Negara 2019

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) adalah merupakan acara tahunan JAS bagi memupuk dan melahirkan pelbagai lapisan masyarakat dalam memelihara, memulihara dan mencintai alam sekitar.

Sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2019 telah diadakan pada 19 Oktober 2019 di Taman Rekreasi Pudu Ulu, Kuala Lumpur. Sambutan HASN ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. JAS WPKL telah bekerjasama sekali lagi dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menjayakan sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2019.

Tema HASN pada tahun 2019 ialah “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia.

Beberapa aktiviti seperti **Jadual 3.13** yang melibatkan semua lapisan masyarakat telah diadakan bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Program ini mendapat kerjasama penuh daripada Rakan Strategik seperti Kementerian Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, agensi awam, swasta dan NGO yang turut memberi kerjasama padu bagi menjayakan sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2019.

Jadual 3.13 : Senarai Aktiviti Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| TARIKH | PROGRAM |
|----------------------|--|
| 19 OKTO- BER 2019 | <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara. • Dirasmikan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. • E-Enviro Explorace – menggunakan konsep gamification, dengan kerjasama UKM dan Vanke Holdings • Pengumpulan e-waste (T-Pot Sdn Bhd) • Bengkel Melukis Kanak-Kanak – dgn kerjasama Balai Seni Lukis Negara • Tanam Pokok • Hands on – Terrarium • Zumba • Kempen kesihatan dan derma darah • Pameran bertemakan kempen hindari plastik sekali guna dan alam sekitar • Pertandingan bey-blade • Food truck • Cabutan bertuah • Pengumpulan buangan kitar semula (plastik, kertas, minyak masak terpakai) – Alam Flora/ Malakoff • Pertandingan reka cipta – SWCorp (TBC) • Pertandingan Share your moments..(pertandingan fotografi) “HASN & I” – ambil gambar dan post serta hashtag di media social (tag di FB JAS/RAS) • Pertandingan karaoke • Pocket Talk bersama Maya Karin – dengan kerjasama ERE Consultant Sdn Bhd – Topik berkaitan alam sekitar/ kualiti air/ sampah/ plastik |





Aktiviti-Aktiviti yang dijalankan semasa Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sambutan Hari Bumi

Sambutan Hari Bumi telah diadakan pada 20 April 2019 bertempat di Taman Tugu , Kuala Lumpur. Aktiviti ini diadakan dengan kerjasama Taman Tugu Project. Antara aktiviti yang diadakan adalah Zumba Rimba, *HIIT Workout 101*, *Guided Trail Walks* dan *Cycling Workshop*. Selain Jabatan Alam Sekitar, pameran juga diadakan oleh Malaysian Nature Society, Global Environment Centre, Free Tree Society dan Children's Corner. Sambutan Hari Bumi juga telah dihadiri oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam dan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.



Sambutan Hari Bumi 2019

Sambutan Hari Ozon

Sambutan Hari Ozon telah diadakan pada 12 September 2019 bertempat di Auditorium Technology Park Malaysia, Bukit Jalil Kuala Lumpur. Majlis telah disempurnakan oleh Puan Nor Aziah Binti Jaafar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan.

Antara pengisian Program tersebut adalah Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Rakan Strategik oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di atas segala sumbangan yang telah diberikan sepanjang tahun 2019 dan aktiviti ceramah. Program dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Cik Shafiza Jabar Basha dari Seksyen Perlindungan Ozon Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat berkaitan Perlindungan Lapisan Ozon dan HCFC Phase-out (HPMP Stage-II). Ceramah berkaitan pengurusan bahan buangan terjadual juga telah disampaikan oleh Puan Siti Norhidayah Binti Abdullah dari JAS WPKL.

Beberapa agensi telah mengambil bahagian dengan mengadakan pameran iaitu T-Pot Electrical & Electronic Sdn Bhd, MIMOS Berhad, TPM NEXUS, Unit Ozon dari Bahagian

Udara Ibu Pejabat dan Aurora Chemical Sdn Bhd.



Sambutan Hari Ozon

Hari Alam Sekitar Sedunia

JAS WPKL telah menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur pada 18 September 2019. Aktiviti yang dijalankan adalah pameran alam sekitar dan juga aktiviti-aktiviti kepada pelajar sekolah.





Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Pelajar Latihan Industri

Jabatan ini juga telah menerima pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) UiTM Shah Alam bagi menjalankan latihan industri. Pada tahun 2019, seramai 2 orang pelajar telah diterima untuk menjalankan latihan industri di JAS WPKL dari jurusan berkaitan alam sekitar dan kejuruteraan. Mereka ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan ini di bawah penyeliaan ketua unit masing-masing. Mereka didedahkan kepada pengurusan alam sekitar yang meliputi penguatkuasaan, pendidikan, pengawasan dan penilaian kualiti alam sekitar.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Sepanjang tahun 2019, Unit Teknologi Maklumat berganding bersama Bahagian Pembangunan JASWPKL juga telah mengadakan seminar EO dan Buangan Terjadual untuk digunakan di lapangan bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan Alam Sekitar.

SISTEM ATAS TALIAN (ONLINE SERVICES)


Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunapakai oleh Jabatan dan para industri bagi memudahkan kerja-kerja seharian. Antaranya ialah :

Penambahbaikan sistem e-CN (e-Consignment Note) dan MDMR (Monthly Discharge Monitoring Report)

2 sistem baru yang telah dikemaskini dan dinaiktaraf iaitu e-CN kepada eSWIS dan MDMR kepada OER(*online environmental reporting*)



Paparan web eSWIS yang menggantikan e-CN



Paparan web OER yang menggantikan MDMR

Laman web ini boleh diakses seperti di link yang dinyatakan di bawah :

eSWIS - <https://eswis.doe.gov.my/>

OER - <http://oer.doe.gov.my/>

Perkhidmatan Pembayaran Kompaun Jabatan Alam Sekitar

Dengan kemudahan ini pengguna dapat menjimatkan masa dan tidak perlu datang ke pejabat JAS untuk membuat bayaran atas kesalahan yang dilakukan.

E- COMPLAINT (Aduan Pencemaran Alam Sekitar)

Aduan awam yang diterima oleh Jabatan Ibu Pejabat Alam Sekitar (JAS) yang dijalankan oleh Unit Operasi , Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar. Aduan diterima oleh Unit Operasi adalah melalui surat , faks , e-mel , laman web , telefon atau secara peribadi melawat ke pejabat JAS yang terdekat untuk membuat aduan. Jabatan Alam Sekitar akan memberikan tindak balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja.

Perkhidmatan Menyemak Kompaun Kenderaan Diesel & Petrol

Sistem dimana pengguna boleh menyemak samada sesuatu kenderaan diesel dan petrol di kompaun ataupun tidak.

LAPORAN EIA

Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) adalah satu kajian untuk mengenalpasti , meramal, menilai dan menyampaikan maklumat mengenai kesan ke atas alam sekitar daripada projek yang dicadangkan dan untuk memperincikan langkah-langkah tebatan sebelum projek kelulusan dan pelaksanaan

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 1346 punca telah dikemaskini ke dalam sistem e-KAS. Manakala e-swis pula sebanyak 1039 premis telah didaftarkan sebagai pengguna sistem. Ini termasuk pengguna premis, bengkel dan sisa klinikal.

KELENGKAPAN ICT

Pada tahun 2019, Unit Teknologi Maklumat telah menerima pencetak sebanyak 20 unit masing-masing terdiri daripada 2 unit komputer riba dan 18 unit komputer peribadi untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JASKL. Secara keseluruhan, kesemua pegawai dan kakitangan di JASKL telah menerima kelengkapan tersebut bagi membolehkan mereka membuat tugas masing-masing.



Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3, Jalan Sungai Besi, Pudu,
55200 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel: 03 9221 5543

www.doe.gov.my